



17 MAR, 2021

Teladan Setia mula disenaraikan di pasaran ACE

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Teladan Setia mula disenaraikan di pasaran ACE

Teladan Setia

KUALA LUMPUR: Teladan Setia Group Bhd yang berpangkalan di Melaka, mula disenaraikan di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Bhd pagi semalam (Selasa) pada harga 60 sen, premium sebanyak 12 sen daripada harga yang ditawarkan 48 sen.

Pada 9.00 pagi, sejumlah 32.53 juta saham syarikat pemaju hartanah itu telah diniagakan.

Teladan Setia adalah pemaju hartanah dengan portfolio pembangunan yang pelbagai, terdiri daripada hartanah kediaman bertingkat rendah dan tinggi, rumah kedai, pejabat, dan kedai runcit.

Pengarah Urusan Richard Teo Lay Ban berkata, kumpulan itu berhasrat mengumpul sejumlah RM77.3 juta daripada pelaksanaan tawaran awam permulaan (IPO) dengan RM35.0 juta (45.3 peratus) akan diperuntukkan untuk pengambilalihan bidang tanah di Melaka pada masa akan datang.

Beliau berkata kumpulan itu amat yakin dengan prospek pertumbuhannya kerana industri pembangunan hartanah di Melaka disokong oleh asas jangka panjang yang kukuh.

"Masih ada permintaan yang kuat untuk kediaman mampu milik di Melaka dan kami menumpukan perhatian kepada hartanah kediaman (bertanah kerana unit-unit ini adalah antara unit yang tidak terjual paling rendah di seluruh Malaysia menurut angka Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).

"Tahun lepas, unit tidak terjual untuk kediaman di Melaka ialah 925 unit berbanding purata kebangsaan 3,450 unit," katanya pada sidang media yang diadakan secara maya pada Selasa.

Teo berkata, kumpulan itu akan membangunkan hartanah dalam lingkungan harga RM400,000 hingga RM500,000, sambil menegaskan bahawa unit-unit inilah yang paling banyak dijual.

"Pada masa ini, kami memiliki nilai pembangunan kasar berjumlah RM1.6 bilion termasuk projek yang sedang berjalan dan akan datang dan ia akan bertahan untuk tempoh empat tahun lagi," kata beliau.

Bergerak ke hadapan, beliau berkata, langkah-langkah rangsangan oleh kerajaan seperti kadar faedah yang rendah pada 1.75 peratus dan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) akan membantu pembeli rumah membeli rumah pertama mereka.

"Oleh itu, untuk pasaran perumahan Melaka, kebanyakan pembeli adalah pembeli rumah pertama - yang merupakan segmen pengguna yang kami sasarkan," tambahnya.

Mengulas mengenai rancangan untuk membina hartanah di luar Melaka, Teo menjelaskan kumpulan itu telah membeli sebidang tanah di Seri Kermbangan, Selangor, bertentangan dengan Pusat KTM Serdang, yang akan menjadi projek pertama syarikat di luar Melaka.

"Tanah ini akan digunakan untuk projek bertingkat tinggi. Namun, fokus utama kami adalah pada hartanah kediaman di Melaka," katanya. - Bernama



17 MAR, 2021

Teladan Setia mula disenaraikan di pasaran ACE

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Teladan Setia Croup Bhd yang berpangkalan di Melaka, mula disenaraikan di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Bhd pagi semalam (Selasa) pada harga 60 sen, premium sebanyak 12 sen daripada harga yang ditawarkan 48 sen. Pada 9.00 pagi, sejumlah 32.53 juta saham syarikat pemaju hartanah itu telah diniagakan. Teladan Setia adalah pemaju hartanah dengan portfolio pembangunan yang pelbagai, terdiri daripada hartanah kediaman bertingkat rendah dan tinggi, rumah kedai, pejabat, dan kedai runcit.